

19 SEP 2000

Mahathir-Jolo/I

DR MAHATHIR HARAP NYAWA TEBUSAN TIDAK TERANCAM

KOTA KINABALU, 19 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini sementara Malaysia tidak boleh campur tangan dalam tindakan terbaru kerajaan Filipina terhadap kumpulan penculik di Jolo, beliau berharap nyawa orang tebusan tidak terancam.

"Kita cuma mahu memastikan nyawa orang tebusan itu tidak terancam dalam apa juga tindakan yang terpaksa dilakukan oleh kerajaan Filipina, dan ini telah kita sampaikan kepada mereka," kata Perdana Menteri.

Ketika bercakap pada persidangan berita di sini sebagai mengakhiri lawatan dua harinya ke Sabah, Dr Mahathir berkata bagi Malaysia, sebarang tindakan yang membahayakan nyawa mereka yang diculik itu "bukan sesuatu yang boleh kita terima."

"Kita tahu apa yang dilakukan oleh mereka (tentera Filipina) dan mengapa mereka melakukannya... tetapi kita tidak boleh campur tangan kerana pada asasnya tindakan itu dilakukan dalam negara mereka sendiri," katanya.

Perdana Menteri telah diminta mengulas rayuan anggota keluarga rakyat Malaysia yang telah diculik di Pulau Pandanan pada 10 Sept, yang meminta kerajaan Malaysia mengenakan tekanan terhadap pihak Filipina supaya menghentikan serangan tentera terhadap kumpulan penculik Jolo sehingga tebusan itu dibebaskan.

Nasib rakyat Malaysia itu -- Pengurus Pandanan Semporna Island Resort Mohamad Noh Sulaiman, penyelam Joseph Jongkinoh dan kontaktor Kan Wei Chong -- belum dipastikan ketika serangan tentera Filipina terhadap kumpulan pemisah di pulau itu masuk hari keempat hari ini.

Laporan dari Filipina bagaimanapun menyatakan bahawa beberapa orang daripada kalangan tebusan itu telah dilihat hari ini tetapi tiada butiran lanjut diperolehi.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau yakin dengan keberkesanan langkah baru kawalan keselamatan di Sabah yang diambil ekoran kejadian penculikan di Pandanan, kejadian kedua dalam masa lima bulan di perairan Sabah.

Perdana Menteri berkata: "Pada masa ini, (saya) belum lagi (yakin). Kita ada rancangan bagaimana hendak meningkatkan keselamatan di Sabah... kita akan anggap sesiapa yang merentasi sempadan seolah-olah dia sedang mencebohi negara kita, dan kita akan mengambil tindakan yang sesuai dengan perbuatan itu."

Penculikan pertama di Sipadan yang melibatkan sembilan rakyat Malaysia dan 12 warga negara lain pada 23 April lepas, juga dilakukan oleh kumpulan yang berpusat di Jolo.

Dr Mahathir berkata kerajaan mahu memastikan seberapa yang boleh bahawa sempadan negara tidak dicerebuhi oleh mana-mana pihak.

"Kita juga mempunyai masalah di Semenanjung dengan kemasukan pendatang tanpa izin dari Indonesia, dan kita juga akan mengambil tindakan untuk menghalang perbuatan ini. Masalah di Sabah menjadi lebih rumit kerana orang-orang ini membawa senjata.

"Kita akan pastikan mereka tidak akan merentasi masuk sempadan kita, sama ada melalui sempadan laut atau sempadan darat," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai kehadiran sebilangan besar warga asing di Sabah.

"Ya, kita mahu menyelesaikan masalah itu. Sebagaimana yang kita semua tahu kita sebelum ini bersikap sangat toleran... mereka gunakan kemudahan kita, sekolah kita dan hospital kita serta kemudahan lain, Dalam pada itu

pun kita dituduh memberi layanan buruk terhadap mereka. Tidak ada negara lain yang membenarkan pendatang haram menggunakan kemudahannya," kata beliau.

Beliau berkata Malaysia telah bertindak menghantar pulang pendatang tanpa izin ke negara asal mereka tetapi banyak daripadanya datang semula oleh kerana keadaan sempadan yang mempunyai banyak teluk dan pulau kecil yang menyebabkan sekur untuk mengawalinya.

-- BERNAMA

JS RYN NMO